

SOALAN-SOALAN LISAN

PERSIDANGAN PERTAMA MESYUARAT KETIGA TAHUN PERTAMA DEWAN NEGERI YANG KELIMA BELAS PERAK DARUL RIDZUAN PADA HARI ISNIN, 22 MEI 2023

1. **YB TUAN SYED LUKMAN HAKIM BIN SYED MOHD ZIN (CHENDEROH)**

PERAK SEJAHTERA 2030 DI BAWAH MALAYSIA MADANI

Perak Sejahtera 2030 telah dibangunkan oleh Kerajaan Negeri sebelum Kerajaan Perpaduan terbentuk di Malaysia. Dengan penubuhan Kerajaan Perpaduan di peringkat persekutuan dan negeri, adakah terdapat pindaan yang dibuat ke atas Perak Sejahtera 2030 agar ianya selari dengan dasar Malaysia Madani yang diperkenalkan di peringkat pusat?

2. **YB CIK THULSI THIVANI A/P MANOGARAN (BUNTONG)**

Kerterjaminan makanan merupakan aspek yang penting bagi memastikan masa depan yang lebih cerah.

Apakah perancangan strategik kerajaan negeri Perak untuk meningkatkan kerterjaminan sekuriti makanan melalui teknik-teknik pertanian yang lebih moden?

3. **YB DATO' ABDUL YUNUS BIN JAMAHRI (KUALA KURAU)**

Masalah bekalan elektrik yang tidak mencukupi di beberapa buah kampung di DUN Kuala Kurau seperti Kampung Nelayan Tanjung Piandang, Parit Sungai Burong Tanjung Piandang dan lain-lain. Apakah punca masalah yang berlaku dan apakah tindakan penyelesaian?

4. **YB ENCIK ONG SENG GUAN (POKOK ASSAM)**

Kerajaan negeri telah menyasarkan kemasukan 8 juta pelancong domestik dan 350 ribu pelancong asing ke negeri Perak sempena Tahun Melawat Perak 2024.

1) Apakah pelan perancangan kerajaan negeri untuk bandar Taiping yang akan menyambut ulang tahun ke-150 pada tahun 2024?

2) Apakah program atau sambutan perayaan peringkat negeri yang akan dibawa ke bandar Taiping?

3) Bagaimana dua elemen yang ditekankan oleh kerajaan negeri iaitu 'Pelancongan Pemulihan dan Pemuliharaan' dapat memanfaatkan bandar Taiping?

5. YB ENCIK AZIZI BIN MOHAMED RIDZUWAN (LUBOK MERBAU)

Mohon pencerahan dan penjelasan pihak kerajaan Negeri Perak berkaitan Program Kad Perak Sejahtera atau yang sebelum ini dikenali sebagai Program Kad Perak Prihatin. Program ini telah dibentangkan dan diluluskan dalam pembentangan Bajet Perak 2023 dalam sesi persidangan yang lepas. Namun sehingga kini, rakyat bahkan saya sendiri tertanya-tanya tentang prosedur permohonannya. Baru-baru ini, saya juga didatangi oleh puluhan warga Lubok Merbau yang membawa borang program Kad Perak Prihatin, dan mahukan borang mereka ditandatangani. Semua mereka menyatakan borang yang mereka bawa ini didapati di Pejabat UMNO Kawasan Padang Rengas. Saya mohon penjelasan kerajaan negeri kenapa permohonan ini dilakukan secara senyap-senyap atau tertutup? Dan kenapa ia mesti dilakukan melalui perantaraan parti, bukannya pejabat penghulu atau wakil rakyat yang dipilih rakyat? Saya harap pihak kerajaan berlaku telus dan adil dalam menyalurkan bantuan kepada rakyat secara keseluruhannya.

6. YB ENCIK ONG BOON PIOW (BERCHAM)

1. Soal usaha pengitaran semula dalam negeri Perak.

- i. Bilakah pihak kerajaan negeri akan melaksanakan larangan untuk penggunaan bekas makanan polistirena?
- ii. Apakah perancangan kerajaan untuk menambah jenis barangan kitar semula selain logam, kertas, PVC, seperti kaca, kain, perabot dan sisa bahan binaan?
- iii. Apakah jenis galakan yang disediakan oleh pihak kerajaan bagi menarik lebih ramai pelabur dalam sektor kitar semula?

7. YB CIK WONG CHAI YI (SIMPANG PULAI)

Kemudahan kenderaan elektrik (EV) adalah penting dalam menjadikan negeri kita sebagai negeri pelancongan yang mempunyai kemudahan untuk semua jenis pengguna kenderaan.

- (a) Apakah perkembangan penambahan pengecas EV di Perak sekarang dan senaraikan bilangan dan lokasi pengecas EV di Perak.

- (b) Selain daripada penambahan pengecas EV di Perak, adakah cadangan atau lain daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam tahun ini untuk menggalakan penggunaan EV?
- (c) Senaraikan syarikat swasta yang mempunyai jalinan kerjasama dengan PBT bagi memastikan keperluan EV di Perak

8. YB PUAN SALINA BINTI SAMSUDIN (BEHRANG)

Dengan status Muallim sebagai daerah ilmu, Apakah tindakan Kerajaan Negeri dalam menyelesaikan masalah status sekolah - sekolah Di Dun Behrang yang tidak mempunyai sijil layak menduduki seperti SK Pos Bersih?. dan adakah pihak Jabatan Pendidikan Negeri Perak bercadang melaksanakan sekolah dua sesi bagi sekolah yang enrolmen murid melebihi had keselesaan kelas, atau merancang penambahan bangunan sekolah baharu bagi menampung jumlah murid?

9. YB KAPT (B) DATO' MOHD NAJMUDDIN BIN ELIAS (BATU KURAU)

Ingin bertanya kepada YAB Menteri Besar, tidakkah kerajaan Negeri ingin membina pencawang telekomunikasi (internet) di Kampung Pondok Queen Dalam, Anak Kurau dan Kampung Repoh?

10. YB ENCIK RAHIM BIN ISMAIL (CHANGKAT JERING)

Apakah Kerajaan Negeri menerusi Majlis Agama Islam (MAIP) bercadang mengujudkan Pusat Wakaf Dialisis bagi setiap daerah di Perak terutamanya Daerah Larut & Matang dan Selama?

11. YB ENCIK BERHANUDIN BIN AHMAD (MANONG)

Penternakan akuakultur sangat berperanan dalam usaha meningkatkan jaminan makanan negara khususnya dalam sektor perikanan. Cabaran utama yang dihadapi oleh pengusaha ternakan akuakultur ialah harga makanan ikan (palet) yang semakin meningkat. Adakah kerajaan bercadang untuk membina kilang penghasilan palet bagi mengurangkan kebergantungan kepada palet import?

- a) Berapakah jumlah pengusaha kolam ikan sangkar dan jumlah kolam yang terdapat di kawasan Manong?
- b) Adakah bantuan ternakan ikan air tawar myKP di bawah Dana Jaminan Makanan masih diteruskan?

12. YB DATO' SHAHRUL ZAMAN BIN YAHYA (RUNGKUP)

Apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil oleh pihak kerajaan negeri & persekutuan berkenaan fenomena tanah yang rebak di kuala-kuala sungai & laut sebagai contoh di teluk penikam bagan datuk?

13. YB ENCIK MOHAMAD AMIN BIN ROSLAN (PENGKALAN HULU)

Sektor pelancongan di kawasan Pengkalan Hulu

- a) Apakah tindakan daripada kerajaan negeri untuk merancakkan sektor pelancongan di kawasan Pengkalan Hulu yang kaya dengan produk pelancongan berteraskan alam semula jadi dan bersempadan dengan Thailand?
- b) Nyatakan bentuk peruntukan yang diberikan untuk merancakkan sektor pelancongan di kawasan Pengkalan Hulu bersempena dengan Tahun Melawat Perak 2024?

14. YB ENCIK NGA KOR MING (KEPAYANG)

Pembasmian kemiskinan

- a. Sila nyatakan statistik perbandingan kemiskinan di negeri Perak untuk tempoh 5 tahun yang lepas.
- b. Kawasan DUN Kepayang di bawah bandar Ipoh diduduki oleh majoriti warga emas yang tidak mempunyai punca pendapatan ataupun berpendapatan rendah. Apakah usaha kerajaan negeri dalam menambahbaik pendapatan mereka supaya tidak dikategorikan sebagai "golongan miskin"?
- c. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk meningkatkan atau menambahbaik manfaat kebajikan yang diterima oleh warga emas atau golongan berpendapatan rendah yang sedia ada. Sekiranya ya, apakah perancangannya?

15. YB ENCIK MOHD AKMAL BIN KAMARUDIN (SELAMA)

PELANTIKAN KETUA KAMPUNG

Enam bulan sudah Pilihanraya Umum Ke-15 (PRU15) telah berlangsung, 'Sekali Air Bah, Sekali Pantai Berubah', kepimpinan kerajaan negeri turut berubah sejajar dengan kerajaan persekutuan. Namun hingga kini ketua kampung masih tidak dilantik sehingga merencatkan beberapa perkara.

1. Tidakkah kerajaan negeri berhasrat untuk melantik ketua kampung dalam masa terdekat bagi melicinkan pentadbiran di peringkat bawahan?

2. Kenapa pelantikan ketua kampung memakan masa yang sangat lama sehingga lebih dari enam bulan?

16. YB ENCIK KHALIL BIN YAHAYA (KUBU GAJAH)

PPR Taman Lela yang telah dibangunkan di Kamunting adalah berita baik buat semua warga negeri Perak yang berminat dan berkelayakan untuk memiliki rumah sendiri. Berikutan hal ini, bagaimana cara pemilihan individu dan adakah dibenarkan untuk dijadikan rumah sewaan.

- a) Berdasarkan pernyataan di atas, berapakah jumlah kekosongan PPR Taman Lela sehingga ke hari ini?
- b) Apakah syarat dan kelayakan bagi permohonan PPR?
- c) Apakah tindakan terhadap individu yang melanggar syarat permohonan PPR?

17. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Menerima aduan daripada penerima TOL tahun 2022 mengatakan sebahagian besar tidak dapat membayar dan memperbaharui lesen TOL tahun 2023 disebabkan masalah sistem e-tanah yang mendatangkan pelbagai kerisauan. Apakah solusi kepada masalah tersebut?

18. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Berdasarkan Laporan akhbar pada 10 April 2023, jumlah kes Covid 19 di Perak berjumlah 236 dan berada di tempat ke 4 tertinggi di Malaysia. Mohon butiran terperinci disegi kluster, status kes dan pecahan mengikut daerah?

19. YB ENCIK GOH SEE HUA (PASIR PINJI)

Tahun Melawat Perak 2024

- a) Apakah persediaan kerajaan negeri untuk Tahun Melawat Perak 2024?
- b) Adakah Lapangan Terbang Sultan Azlan Shah akan dinaiktaraf untuk merangsang kemasukan pelancong?
- c) Apakah insentif yang akan diberikan kepada peniaga yang terlibat dalam sektor pelancongan sebagai tanda usaha bersama kerajaan dan peniaga untuk mencapai sasaran Tahun Melawat Perak 2024?

20. YB CIK JENNY CHOY TSI JEN (CANNING)

Infrastruktur di Kawasan DUN Canning

Senaraikan projek pembangunan infrastruktur yang telah dilaksanakan oleh MBI di kawasan DUN Canning sejak tahun 2018 – 2022, mengikut tarikh siap kerja dan juga jumlah kos projek?

21. YB DR. ABDUL AZIZ BIN BARI (TEBING TINGGI)

Adakah kerajaan negeri bercadang untuk menyelaraskan program Wacana Perak Maju2030 dengan Malaysia Madani agar ada integrasi disegi pengisian dan juga penerangan kepada rakyat?

22. YB DATO' ZAINOL FADZI BIN PAHARUDIN (SUNGAI MANIK)

Apakah langkah kerajaan dalam menyelesaikan isu jambatan sempit yang mengakibatkan sering berlakunya kemalangan?

- a) Jalan Kampar - Changkat Jong (di hadapan Masjid Jamek Al-Makmur, Langkap)
- b) Jalan Langkap - Air Hitam

23. YB DR. NAJIHATUSSALEHAH BINTI AHMAD (BOTA)

NIKOTIN dikeluarkan (dikecualikan) dari Akta Racun 1952, dipindahkan untuk diletakkan bawah Akta Makanan 1983 sama seperti produk Tembakau (bawah peraturan PPHKT) berkuat kuasa pada 31 Mac 2023 melalui Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2023, atas kelulusan dari KKM.

a).Apakah inisiatif kerajaan negeri dalam membendung ketagihan terhadap e-rokok atau vape di kalangan rakyat negeri Perak?

b). Apakah mekanisme yang dirancang bagi memastikan remaja dan kanak-kanak dinegeri ini tidak terdedah dengan ketagihan vape di usia muda dalam memastikan agenda GEG tercapai?

c) Setujukah Pihak Berkuasa Tempatan untuk terus menguatkuasakan larangan merokok dengan produk tembakau dan penggunaan vape di tempat awam?

24. YB ENCIK MUHAMMAD FAISAL BIN ABDUL RAHMAN (TRONG)

Antara punca terjadinya longgokan sampah haram dan longgokan sampah melimpah dari tong sampah roro adalah kerana pemilik rumah dan kedai di bawah seliaan PBT tidak memiliki tong sampah sendiri. Adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan tong sampah beroda bagi setiap kawasan kediaman dan kedai di bawah seliaan PBT bagi mengatasi masalah tersebut?

25. YB ENCIK CHOONG SHIN HENG (CHENDERIANG)

Klinik Kesihatan Jalan Damai Tapah telah beroperasi lama. Ianya menjadi tumpuan rakyat dari DUN Chenderiang dan DUN Ayer kuning untuk mendapatkan pelbagai jenis rawatan. Dengan jumlah rakyat yang semakin meningkat, keadaan ini menjadi sebab berlakunya kesesakan untuk mendapatkan rawatan pada setiap hari di klinik berkenaan. Maka apakah status terkini rancangan Kementerian Kesihatan Malaysia untuk membina sebuah Klinik kesihatan yang baru di Kawasan DUN Chenderiang bagi memberi keselesaan kepada rakyat di kawasan DUN Chenderiang?

26. YB ENCIK TIW TEE SIANG (TRONOH)

Apakah status projek Kinta Lake City yang diterajui oleh MB Incorporated Perak?

27. YB ENCIK ISHSAM BIN SHAHRUDDIN (AYER KUNING)

Berikutan masalah kesesakan lalulintas yang masih menjadi isu utama kepada pengguna jalan raya di Pekan Tapah khususnya kepada masyarakat di Ayer Kuning dan Parlimen Tapah. Masyarakat tempatan khususnya memerlukan jawapan yang memberi gambaran jelas bahawa isu kesesakan ini menjadi keutamaan Kerajaan untuk diselesaikan.

- a) Apakah status terkini berkaitan masalah kesesakan di Pekan Tapah?
- b) Bilakah perolehan kerja (tender) yang berkaitan kepada penyelesaian isu ini akan dimulakan?

28. YB ENCIK CHEAH POU HIAN (JELAPANG)

Berikutan warna lampu isyarat yang tidak berfungsi dengan baik serta lampu jalan yang tidak cukup terang dan gelap pada waktu malam boleh menyebabkan kemalangan jalan raya berlaku pada setiap minggu di simpang jalan Kledang dan Lebuhraya Ipoh-Lumut.

Walaupun telah dimaklumkan kepada pihak JKR namun tiada sebarang tindakan diambil.

- a) Adakah Kerajaan Negeri akan campur tangan untuk mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah berkenaan?

29. YB ENCIK MUHAMMAD ZULFADLI BIN ZAINAL (SLIM)

Adakah sistem E kasih yang diperkenalkan oleh Pihak Kerajaan berkesan membasmi kemiskinan?

- 1. Adakah kerajaan sedar bahawa masih ramai penduduk miskin di Dun Slim yang tidak tersenarai di dalam sistem e Kasih.
- 2. Adakah perlu dikaji semua sistem e Kasih